

KENYATAAN MEDIA

TEKUN SEDIA DANA RM30 JUTA BANTU USAHAWAN INFORMAL DAN MIKRO TERKESAN BENCANA BANJIR

SHAH ALAM, 16 JANUARI 2022 – Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) melalui agensinya TEKUN Nasional telah memperuntukkan RM30 juta sebagai inisiatif bantuan pasca banjir kepada usahawan informal dan mikro.

YB Tan Sri Noh bin Haji Omar, Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi ketika ditemui menjelaskan, "Bagi membantu meringankan beban usahawan informal dan mikro ketika ini terutama yang terjejas akibat bencana banjir, TEKUN Nasional telah menawarkan pembiayaan pemulihan perniagaan di bawah Skim Pembiayaan Informal dan Mikro (SPIM) dengan nilai pembiayaan sehingga RM10 ribu tanpa caj keuntungan. Usahawan juga akan menikmati moratorium selama 12 bulan".

"Skim Pembiayaan Informal dan Mikro (SPIM) telah dibuka untuk permohonan mulai awal Januari yang lalu. Sehingga kini seramai 14,906 orang usahawan telah memohon pembiayaan SPIM dengan nilai RM133.1 juta. Bilangan ini termasuk 304 permohonan bernilai RM2.9 juta yang terdiri daripada usahawan terjejas dengan bencana banjir.

"Daripada jumlah tersebut sebanyak 2,825 permohonan SPIM telah diluluskan dengan nilai RM23.8 juta. Nilai ini termasuk RM1.62 juta pembiayaan yang telah diluluskan kepada 179 orang usahawan yang terkesan dengan bencana banjir", tambah beliau.

Pembiayaan SPIM bukan sahaja terbuka kepada usahawan yang terkesan dengan banjir tetapi kepada semua usahawan informal dan mikro.

Bagi usahawan yang terjejas dengan wabak COVID-19 boleh memohon SPIM sebagai suntikan modal pusingan untuk memulihkan dan memulakan semula perniagaan.

“Usahawan informal dan mikro boleh memohon SPIM bagi tujuan pemulihan perniagaan seperti modal pusingan, pembelian peralatan / perkakasan, bayaran gaji, bayaran sewa, bil utiliti dan lain-lain yang berkaitan”, katanya.

“TEKUN Nasional juga telah mengambil inisiatif membantu usahawan TEKUN sedia ada yang terkesan akibat banjir. Usahawan terbabit telah ditawarkan moratorium selama 6 bulan mulai Disember 2021 hingga Mei 2022. Implikasi kewangan daripada inisiatif ini dianggarkan berjumlah RM7.2 juta”, tambah beliau.

“Selain itu, usahawan TEKUN terbabit juga boleh membuat penjadualan semula pembiayaan dan pengeluaran simpanan daripada akaun pembiayaan terdahulu.

“Sehingga kini, seramai 3,993 orang usahawan TEKUN yang terjejas dengan bencana banjir di seluruh negara layak mendapat manfaat daripada inisiatif ini”, katanya lagi.

Prihatin dengan kesulitan yang dihadapi usahawan ekoran bencana banjir, YB Tan Sri Noh bin Haji Omar, Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi telah turun padang untuk meninjau sendiri situasi usahawan pasca banjir di Shah Alam dan Kota Raja.

Di samping itu beliau turut menyampaikan barangan keperluan harian serta cek pembiayaan TEKUN di bawah SPIM kepada 21 orang usahawan terbabit dengan nilai keseluruhan RM209 ribu.

“Saya yakin dengan insiatif dan bantuan kewangan yang disalurkan oleh kerajaan kepada usahawan yang terkesan dengan banjir, sektor ekonomi akan kembali pulih seperti sedia kala secara beransur-ansur”, tambah beliau.

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI

16 JANUARI 2022